

PEMBENTUKAN NEGARA BANGSA MELALUI PENDIDIKAN SASTERA

Chew Fong Peng

Pengenalan

Nation-bulding atau "negara bangsa" adalah konsep dan ideologi yang lahir dalam sejarah bangsa Eropah yang menghadapi masalah nasionalisme, seterusnya menyebabkan berlakunya peperangan antara bangsa-bangsa Eropah, dan mencetuskan revolusi. Ia berupa suatu peralihan dari "pemujaan" (worship) terhadap monarki kepada "pemujaan" terhadap negara, umpamanya Revolusi Perancis tahun 1789 menentang rejim feudal dianggap sebagai bermulanya perbahasan akademik dan politik bangsa Eropah tentang konsep bangsa (nation) dan negara bangsa (nation-state) (Mohamed Anwar Omar Din, 2004: 435).

Apakah itu negara bangsa?

Chambers' Encyclopedia (1973: 671) memberi definisi "nation building" sebagai *"a collective noun and may safely be agreed to connect a group of people possessed of certain distinctive characteristics, real or i imagined, and united by certain special ties, sentimental, political or both. This group must be of substantial size...a*

society united under one government in a political state."

Dalam erti kata lain, negara bangsa itu merupakan satu proses melahirkan bangsa baru, yakni sebuah negara yang mempunyai kedaulatan di mana semua rakyatnya disatukan oleh ikatan-ikatan seperti bahasa, budaya, nilai-nilai dan lain-lain yang membentuk bangsanya. Tujuan utama pembinaan bangsa itu adalah untuk melahirkan perasaan taat setia dan perpaduan terhadap sesuatu pertubuhan (bangsa) itu.

Zulhildi Paidi dan Rohani Abdul Ghani (2003: 35-36) pula berpendapat bahawa negara bangsa merupakan gabungan tiga komponen utama, iaitu negara, individu dan bangsa, selain daripada tiga syarat utama. Pertama kehidupan masyarakat dalam negara tersebut bersatu padu tanpa berlaku sebarang pemisahan atau diskriminasi. Masyarakat tidak dibezakan atas dasar perkauman atau sebab perbezaan kepercayaan, bahasa, kebudayaan, jenis pekerjaan, penempatan atau apa jua sebab yang boleh membawa kepada perpecahan dan huru hara. Kedua penduduk dan rakyat negara itu juga mestilah berkongsi pegangan kepada suatu ideologi yang sama dan ketiga, penduduk juga haruslah mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang sepenuhnya terhadap sistem pemerintahan dan undang-undang negara. Selain itu, terdapat lima faktor yang menjadi pemangkin kepada pembinaan sebuah negara bangsa, iaitu integrasi, nasionaliti, nasionlisme, patriotisme dan demokrasi.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa usaha membina bangsa memerlukan proses menyatukan unsur-unsur penting seperti bahasa, budaya, politik, tujuan dan wawasan yang dipersetujui bersama, perpaduan, ketaatan dan dedikasi terhadap negara itu sendiri. Maka, pembinaan negara bangsa adalah proses atau kontinum yang berterusan dan tidak ada titik tamatnya (Chew Fong Peng, 2004: 141). Secara ringkasnya, ia mencerminkan keinginan negara kita untuk mencipta kesatuan, integrasi dan identiti nasional daripada keadaan berpisah dan tidak integratif (Tham Seong Chee, 1983: 2).

Pembinaan Negara Bangsa di Malaysia

Negara bangsa bukan relevan semata-mata di Eropah, tetapi juga satu gerak kuasa yang ampuh pada abad ke-21, di Dunia ketiga, termasuk Malaysia. Oleh itu agenda pembinaan bangsa relevan dan mendesak bagi negara kita untuk menangani pelbagai cabaran yang berlaku dalam sejarah dan cabaran hasil daripada globalisasi kini. Pengucapan "pembinaan negara bangsa" pada era pascamerdeka ini merupakan konsep untuk menjelaskan perhubungan timbal-balik antara "negara" (pemerintah) dan "warganegara", khususnya di Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum.

Perkembangan bangsa Malaysia telah melalui jalan yang berliku-liku. Untuk ratusan tahun, Malaysia terdiri daripada masyarakat peribumi dan kerajaan Melayu yang gemilang. Namun kedatangan kolonialisme Inggeris dengan memperkenalkan dasar buka pintu kepada buruh-buruh dari China dan Bukan Melayu, telah mengubah wajah Malaysia daripada monoetnik kepada multietnik. Masyarakat majmuk yang muncul itu hidup terpisah dalam segala aspek kehidupan dan hanya bertemu dalam interaksi ekonomi di pasar (Furnivall, 1948). Hubungan yang tegang itu menjadi runcing semasa zaman pendudukan Jepun 1942-1945, dan kemuncak permusuhan itu berakhir dengan teretusnya rusuhan kaum 1969.

Menyedari akan masalah perkauman yang serius tersebut, maka pelbagai dasar dilaksanakan. Rukunegara dirangka pada 1971 sebagai teras pembangunan negara selain daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990) sebagai rancangan jangka panjang untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Di samping itu, dua dasar besar itu didukung oleh banyak dasar lain untuk mencapai matlamat integrasi nasional, antaranya Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Sukan Negara, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Pandang Ke Timur, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dan lain-lain.

Walaupun terdapat banyak dasar, kerajaan Malaysia telah memilih pendekatan integratif dalam usaha pembinaan negara bangsa, dan bukannya pendekatan asimilasi seperti yang dilaksanakan di Indonesia. Cara integratif yang dikenali sebagai dasar "Kesatuan dalam Kepelbagaian" (unity in diversity) menjadi pilihan kerana menjamin keamanan dalam masyarakat majmuk, sebaliknya cara asimilatif lebih terdorong untuk "memaksa" penduduk minoriti untuk menyertai kumpulan majoriti dengan menghilangkan identiti etnik itu, dan cara ini biasanya berakhir dengan kegagalan (Cheah Boon Kheng 2004: 72) seperti Amerika Syarikat dan Indonesia. Malahan resolusi ISIS (Proceedings of the first ISIS Conference on National Integration 1986: 125) mendapati bahawa "Kesatuan dalam Kepelbagaian" membekalkan kita kapasiti supaya menjadikannya sebagai kekuatan dan kelebihan kita. Hasilnya masyarakat Malaysia berubah menjadi masyarakat berbilang kaum yang lebih seimbang dan berintegrasi.

Konsep pembinaan negara bangsa menjadi semakin jelas dalam ucapan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad di Majlis Perniagaan Malaysia pada 29 Februari 1991, atau lebih dikenali sebagai Wawasan 2020 (Cheah Boon Kheng, 2005: 93). Beliau menegaskan cabaran pertama dan paling asas dalam usaha menjadikan Malaysia negara maju mengikut 'acuan sendiri' menjelang tahun 2020 ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama dan menumpukan taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut.

Apakah yang dimaksudkan dengan 'bangsa Malaysia'?

Dalam dialog Majlis Kerja Pelajar-pelajar Malaysia United Kingdom di Kuala Lumpur pada 10hb. September, 1995, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pernah berkata, "*Bangsa Malaysia means people who are able to identify themselves with the country, speak bahasa Malaysia (iaitu bahasa*

Melayu) and accept the constitution". Konsep "negara bangsa" pula dirumuskan dalam ucapan rasmi terakhir Tun Dr. Mahathir Mohammad bahawa, "Malaysia must be a country that is ethnically integrated, living in harmony with full and fair partnership, made up of one 'Bangsa Malaysia', with political loyalty and dedication to the nation." (Lee Kam Hing, 2005: 184)

Takrifan tersebut bermakna bahawa semua penduduk atau warga negara Malaysia hendaklah dianggap sebagai rakyat Malaysia, tanpa kira etnik. Dalam hal ini, semua penduduk haruslah mengikrarkan taat setianya kepada negara, tidak kepada etnik masing-masing. Tun Mahathir telah menyebut tiga syarat utamanya, iaitu rakyat berbilang kaum di negara ini hendaklah mengidentifikasikan diri mereka dengan negara ini; mereka hendaklah bertutur dalam bahasa kebangsaan, kerana Dasar Bahasa Kebangsaan bersifat 'neutral etnik', yakni tidak dilahirkan untuk menjaga kepentingan mana-mana kumpulan etnik, tetapi untuk kepentingan negara. Selain itu, mereka hendaklah mendukung Perlembagaan, undang-undang tertinggi negara yang mengandungi 'kontrak sosial' yang perlu dipatuhi dalam usaha menyatupadukan rakyat Malaysia (Hassan Ahmad, 2004: 11). Dengan kata lain, kita perlu membina bangsa Malaysia yang patriotik kepada negara, mengatasi perasaan perkauman.

Peranan Sastera Kebangsaan dalam Pembinaan Negara Bangsa

Proses pembinaan negara bangsa Malaysia tidak hanya terletak di bahu ahli politik, ahli ekonomi, ahli sains teknologi, serta ahli birokrasi kerajaan semata-mata, tetapi juga harus melibatkan para sarjana dan pemikir dalam bidang pengajian umum. Sastera adalah salah satu cabang ilmu pengajian umum mempunyai peranan tersendiri dalam mengisi matlamat negara tersebut seperti yang dikatakan oleh A. Rahman Embong (2000: 53):

Bahasa, budaya dan sastera adalah komponen subjektif yang merupakan unsur *intangibile* sesuatu bangsa. Ia boleh memainkan peranan sebagai pemersatuan, dan sebagai ramuan yang tidak boleh tiada untuk membina kesedaran kolektif, membentuk bangsa dan mencorakkan destininya. Bahasa, budaya dan sastera amat penting bagi sesuatu bangsa untuk mengukuhkan dan meningkatkan martabatnya dalam komuniti bangsa-bangsa yang merdeka dan berdaulat di dunia.

Hal yang berkaitan dengan negara bangsa sebenarnya lebih melibatkan soal manusia dan nilai yang tidak dapat diselesaikan hanya melalui pembangunan fizikal dan materialistik, malahan sasterawan sifatnya datang dari dunia batiniyah manusia (Awang Azman Awang Pawi, 2004: 382). Lantaran itu sasterawan tidak melihat masalah, keadaan dan pembangunan manusia secara institusional, korporat, legalistik dan politik sahaja, tetapi melihatnya sebagai proses pembentukan tamadun budaya manusia. Oleh itu, mereka mentafsirkannya melalui pemikiran, imaginasi, intuisi, akal budi yang kreatif dan lateral, serta tidak linear. Banyak masalah yang tidak disedari atau difahami perancang ekonomi negara, mungkin boleh diselesaikan melalui pemikiran yang lebih kreatif dan kritis (Hassan Ahmad, 2004: 11). Maka perancang dan penggubal dasar negara perlu dididik terlebih dahulu dalam tradisi bangsanya supaya mereka akan mengetahui pandangan hidup bangsanya yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Akibat penjajahan Inggeris, masyarakat Malaysia bukan menjadi tempat tinggal masyarakat peribumi dengan bahasa, budaya dan sastera mereka semata-mata, tetapi telah diperkaya dengan kemasukan dan perkembangan bahasa, budaya, dan sastera peradaban lain, khususnya

China dan Bukan Melayu. Walau bagaimanapun, sastera pendatang itu lebih difahami oleh etnik itu sendiri, atau dinamakani "sastera sukuan" oleh Ismail Hussein (1971). Untuk menggemblengkan kepelbagaian budaya itu menjadi kekuatan negara, maka lahirlah sastera kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Untuk mencapai matlamat itu, karya sastera di Malaysia harus mengandungi cita-cita patriotisme dan nasionalisme Malaysia yang bersifat terbuka dan progresif. Isi kandungannya perlu mengambil kira sejarah, kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia serta cabaran-cabaran baru yang muncul dalam dunia globalisasi ini. Sastera kebangsaan harus memperjuangkan nilai-nilai yang baik di samping menggambarkan kehidupan semua kelompok etnik yang membentuk bangsa Malaysia. Sekiranya suatu karya itu menyentuh satu kumpulan etnik sahaja, maka pengarang harus sentiasa mengambil ingatan akan masyarakat yang lebih besar, yang perlu dicerminkan sekurang-kurangnya secara tersirat atau simbolik. Lanjutan itu, penggambaran watak-watak etnik lain itu haruslah bebas daripada stereotaip rasis. Ringkasnya sastera kebangsaan harus mengandungi segala nilai baik yang boleh membantu mengukuhkan imej subjektif nasional, membantu mengembangkan kesedaran kolektif, serta perasaan sebagai sebahagian daripada komuniti nasional yang besar, yang mempunyai destini bersama.

Daripada huriian di atas, maka boleh dirumuskan bahawa peranan sastera kebangsaan dalam pembinaan negara-bangsa Malaysia merangkumi dua aspek. Pertama penggunaan bahasa Melayu untuk menyatakan ekspresi estetika dalam karya kreatif; hal ini penting menjadi dasar tentang perkongsian perkembangan bahasa. Kedua, tema karya sastera Melayu itu yang memacarkan hubungan pelbagai kaum masyarakat Malaysia dalam usaha melahirkan kesedaran tentang kebersamaan kebudayaan, kepentingan dan sejarah (Kamarudi Kachar & Mary Thomas, 1983: 151).

Kajian Pendidikan Drama Perpaduan di Sekolah

Sastera dianggap sebagai suatu bentuk pengucapan kreatif yang dilahirkan untuk berkomunikasi dengan pelajar dan masyarakat. Oleh sebab bahan yang ditimba oleh sastera adalah tentang kehidupan manusia, maka karya sastera sering dianggap amat manusiawi dalam memancarkan citra, realiti atau dimensi kemanusiaan itu sendiri.

Dalam konteks pembinaan negara bangsa, Noraza Ahmad Zahbidi dan rakan-rakan (1999) melakukan kajian di 42 buah sekolah di seluruh negara, membuah hasil bahawa usaha pembangunan negara-bangsa menemui hambatan kerana pendekatan "bahasa merentasi kurikulum" tidak menjurus kepada kerangka pembangunan negara-bangsa, sebaliknya penekanannya lebih diberikan kepada akademik dengan menjadikan bahasa dan sastera Melayu sebagai bahasa ilmu. Penemuan yang berkontra diperolehi dalam kajian Noraini Md Yusof dan Zalina Mohd. Lazim (2003) yang mendapati bahawa 64% bumiputera dan 63.1% responden bukan bumiputera menyokong kenyataan bahawa kesusasteraan dapat membantu ke arah pembinaan bangsa Malaysia.

Selain itu, usaha Rohizani Yaakub (2001) pula memberi gambaran yang lebih menyeluruh dengan memilih pengajaran drama sebagai fokus kajian. Beliau menjalankan kajian terhadap 1,236 orang pelajar sekolah menengah kebangsaan berdasarkan konstruk yang dibina daripada tiga dasar negara, iaitu Rukunegara, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020. Hasil kajian itu menunjukkan bahawa pengaruh pendidikan drama ke arah pembinaan negara-bangsa terhadap responden ialah sebanyak 7.1%. Ini bermakna sastera Melayu mempunyai peranan dalam pembinaan negara bangsa, tetapi sumbangannya adalah kecil kerana pendekatan pengajaran sastera Melayu di Malaysia adalah berorientasikan peperiksaan.

Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kajian tersebut dilakukan tanpa

aplikasi sebarang teori bagi mencari peranan dan sumbangan sastera Melayu dalam pembentukan negara-bangsa Malaysia. Oleh itu, penulis terdorong untuk melakukan kaji selidik dengan menggunakan Teori Sastera Perpaduan (2006).

Metodologi dan Instrumen

Objektif dan matlamat pendidikan sastera di sekolah haruslah selari dengan sistem pendidikan negara yang meletakkan perpaduan nasional dan pembinaan negara bangsa sebagai dasar utama. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk memupuk perasaan kesedaran dan identiti kebangsaan di kalangan pelajar. Adalah menjadi satu konsensus kepada para pelajar untuk berfikir dirinya bangsa Malaysia daripada menganggap dirinya dari segi etnik. Selain itu, kajian yang menggunakan sastera kebangsaan (drama perpaduan) sebagai media mendedahkan integrasi nasional kepada pelajar berbilang kaum untuk mengatasi dilema yang dihadapi oleh para remaja Malaysia dalam tempoh peralihan ke alam dewasa.

Drama menjadi pilihan memandangkan drama merupakan genre yang paling langsung dan berkesan untuk menyampaikan mesej tersebut dengan cirinya yang berbentuk dialog dalam kehidupan seharian. Tiga drama yang dikaji ialah "Si Anak Wali Bumi Kenyalang" (1991) tulisan bersama Maria Nadja Ak Jimmy Jalil dan Izan Norahim, "Bila Hujan Malam" nukilan Johan Jaafar (1984), serta "Dua Tiga Kucing Berlari" karya Kala Dewata (1990) dipilih.

"Si Anak Wali Bumi Kenyalang" adalah drama menang Hadiah Kedua dalam Peraduan Menulis Drama Sejarah 1990 Sekolah-sekolah Malaysia¹ yang dimenangi oleh Maria Nadja Ak Jimmy Jalil dan Izan Norahim. Drama tersebut mengisahkan dua pahlawan Sarawak, Rosli Dhoby, dan rakannya Morshidi Sidek dibicarakan di mahkamah kerana

Gabenor Sarawak, Sir Duncan Stewart semasa lawatannya ke Sibu pada 9 Disember, 1949. Banyak saksi dipanggil untuk disoal siasat, dan hakim D. Lascelles akhirnya menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas kedua-dua orang pembunuh itu. Walau bagaimanapun, Rosli Dhony langsung tidak gentar kerana beliau berjuang untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah dengan semangat nasionalisme yang kental.

Johan Jaafar menerusi drama berjudul "Bila Hujan Malam" mengemukakan cerita keluarga Lim Eng Heng yang kaya, tetapi tidak bahagia. Dia mempunyai tiga orang anak: Lim Chee Meng, doktor klinik, Lim Geok Siew, anak perempuan tunggal, dan Lim Ki Meng, pelajar asrama penuh. Sikap pilih kasih ibu, Lee Nget Ngo terhadap Chee Meng menyebabkan Geok Siew merajuk, lalu melarikan diri dari rumah dan bercampur dengan budak-budak jahat. Dia kemudiannya diburu polis kerana mencuri dan merompak; manakala Kim Meng rasa tidak bahagia di rumah, lantas memilih untuk tinggal di asrama. Mujurlah Bahari, sahabat baik Kim Meng memujuknya. Akhir cerita ibu bapa mereka menyesali kesalahan dan meminta anak-anaknya balik ke rumah.

Drama "Dua Tiga Kucing Berlari" karya Kala Dewata pula mengisahkan Rosdiah jatuh cinta pada Kuan Tien Chee, tetapi ditentang keras oleh kedua-dua pihak keluarga. Ayah Rosdiah, Dahalan masih menganggap bahawa kematian anak lelakinya di tangan komunis. Baginya, semua orang Cina adalah komunis. Sebab lain penentangan Dahalan ialah soal agama. Pengetahuan Dahalan tentang hubungan anaknya menimbulkan kemarahan. Ini ditambah dengan pembatalan peminangan Zarim. Tekanan keluarga Kuan ialah memaksa Kuan mengahwini Swee Lan. Untuk mengelakkan jodoh yang tidak disukainya, Kuan akhirnya memasuki dunia tentera setelah dia melarikan diri dari rumahnya. Hasrat Kuan hanya untuk berkhidmat kepada negara. Sepeninggalan Kuan, keluarga Dahalan menjadi penganut Islam yang sejati. Apabila Kuan balik, Rosdiah menolaknya demi menyelamatkan.

Akhir cerita Kuan gugur sebagai pahlawan negara di medan peperangan.


Ketiga-tiga drama tersebut atas kriteria bahawa kesemuanya adalah drama remaja yang ditulis oleh tiga golongan penulis yang berbeza. Drama "Anak Wali Bumi Kenyalang" dihasilkan oleh pelajar sekolah, drama "Bila Hujan Malam" nukilan dramatis yang telah mencipta nama, manakala drama "Dua Tiga Kucing berlari" adalah karya dramatis yang terkenal. Selain temanya berhubung rapat dengan pembangunan negara-bangsa, pemikiran ketiga-tiga buah drama yang berbeza turut membawa kesan yang berbeza kepada khalayak.

Penerapan Teori Sastera Perpaduan (2006) dalam Konstruk Kajian

Untuk mengkaji hubung-kait antara pendidikan tiga drama pembinaan negara-bangsa tersebut dengan penerimaan pelajar di sekolah, maka satu konstruk dibangunkan berdasarkan Teori Sastera Perpaduan (2006). Para pelajar yang terdiri daripada latar belakang sosial yang berbeza mempunyai persepsi, pandangan dan pendapat yang berlainan terhadap elemen-elemen negara-bangsa dalam tiga drama tersebut. Sesungguhnya sebagai sastera perpaduan², tiga drama tersebut boleh menjadi mekanisme untuk mewujudkan perpaduan antara kelompok masyarakat yang memiliki berbagai latar belakang sosial.

Tujuh elemen berkaitan dengan pembinaan negara-bangsa telah dikenal pasti dalam tiga drama pilihan. Maka kajian yang dijalankan adalah berdasarkan konstruk yang dibina berpandukan Teori Sastera Perpaduan (2006) seperti rajah 1.

Rajah 1: Konstruk Kajian Empirikal Paramatrik terhadap Tiga Drama Pilihan Berdasarkan Teori Sastera Perpaduan



(Dinabhsuai daripada sumber: Chew Fong Peng 2006: 21)

Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa tujuh elemen dalam tiga drama pilihan akan dijadikan tujuh indeks soal selidik untuk disoal kepada para pelajar. Pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial, boleh diringkaskan kepada tiga aspek, yakni etnik (Melayu dan bukan Melayu), jantina (lelaki dan perempuan), dan status sosioekonomi (SES rendah, menengah dan tinggi). Etnik, jantina dan SES yang berlainan pasti mempunyai tanggapan dan penerimaan yang langsung berbeza antara satu sama lain. Jadi, untuk meninjau pandangan itu, kajian empirikal paramatrik perlu dilaksanakan bagi mendapat gambaran yang lebih menyeluruh dan jelas.

Kaji Selidik

Generasi muda adalah golongan pelapis dan bakal peneraju negara masa depan. Oleh itu, kaji selidik telah dijalankan di kalangan pelajar Tingkatan V aliran sains di salah sebuah sekolah Petaling Jaya. Pelajar aliran sains dipilih memandangkan mereka telah mempelajari Komsas (Komponen Sastera daslam Bahasa Melayu) sejak Tingkatan I; mereka terdiri daripada pelajar yang pandai, lantaran dapat memberi pandangan dan pemikiran yang lebih membina terhadap pembinaan negara-bangsa melalui kerangka pendidikan.

Sampel kajian ini berjumlah 60 orang dan seimbang dari segi etnik, jantina dan status sosioekonomi (SES). Ini bererti responden terdiri daripada 30 etnik Melayu dan 30 etnik Bukan Melayu; 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan; serta 20 orang pelajar dari kelas atasan, kelas menengah dan kelas bawah masing-masing. Pemilihan ini sengaja dilakukan agar dapatan kajian yang diperoleh nanti tidak melencong atau sasar dari objektif kajiselidik ini.

Soal selidik digunakan sebagai alat kajian untuk mendapat maklumbalas para responden. Soal selidik yang dirangka terdiri daripada dua bahagian Bahagian A adalah butiran tentang latar belakang sosial responden meliputi etnik, jantina dan SES, manakala Bahagian B terdiri daripada tujuh soalan tertutup yang dibangunkan berdasarkan Skala Likert mengenai pendapat responden terhadap tiga drama kajian. Kesemua soalan tersebut berbentuk petikan daripada drama pilihan. Soalan 1 diambil daripada drama remaja "Si Anak Wali Bumi Kenyalang" tulisan Maria Nadja Ak Jimmy Jalil dan Izan Norahim, soalan 2, 3 dan 4 adalah binaan soalan daripada "Dua Tiga Kucing Berlari" drama Kala Dewata manakala soalan 5, 6, dan 7 pula terdiri daripada drama Johan Jaafar berjudul "Bila Hujan Malam".

Tinjauan awal telah dijalankan bagi mendapat kesahihan soal selidik

yang dibangunkan. Tinjauan itu dilakukan di SMK Khatolik Petaling Jaya ke atas 20 orang pelajar Tingkatan V aliran sains. Analisis statistik menunjukkan nilai alpha Cronbach soal selidik itu berada pada paras 0.7624, di atas aras minima 0.6 yang disyorkan oleh Majid Konting (1993). Ini bererti soal selidik itu adalah tekal dan kukuh, maka boleh diteruskan kajiannya.

Kajian yang berbentuk empiris secara parametrik lebih menekankan kecenderungan pemikiran pelajar di dalam memberi maklum balas terhadap tujuh item drama perpaduan. Maka purata min dan sisihan lazim menjadi asas untuk menganalisis kecenderungan pelajar tersebut. Untuk meneliti hubungan antara pelajar dengan teks drama mengenai negara-bangsa, analisis korelasi mengikut Pearson-r digunakan. Tujuannya untuk mengesan sama ada terdapat hubung kait atau tidak antara pelajar dengan drama kajian. Manakala analisis regresi pelbagai terhadap pelajar digunakan untuk melihat pengaruh dan kesan tujuh item drama perpaduan terhadap pelajar, sekaligus mengetahui dampaknya (*impact*) terhadap Teori Sastera Perpaduan yang dikaji. Kesemua analisis data yang dipakai mengikut Sistem Pukul Statistik Sains Sosial (SPSS) (Andy Field 2002) Window 11.0.

Dapatan Kajian

a. Markat Min dan Sisihan Lazim

Analisis min dan sisihan lazim dilakukan terhadap 60 orang responden tersebut dan akan dibincangkan mengikut tiga aspek latar belakang sosial. Terlebih dahulu, aspek etnik akan diselidik untuk meneliti perbezaan dan kecenderungan pemikiran pelajar Melayu dan Bukan Melayu tentang pembinaan negara-bangsa melalui pendidikan drama perpaduan di Malaysia secara umumnya seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1: Markat Min dan Sisihan Lazim Antara Etnik Terhadap Pembinaan Negara-bangsa Melalui Drama Pilihan

Item (N=60)	Etnik	Min	Sisihan Lazim
1. Semangat patriotisme penting dalam mencapai kemerdekaan daripada penjajah.	Melayu	3.8000	0.8867
	Bukan Melayu	4.4000	0.6747
2. Kunjung-mengunjung rumah pelbagai kaum dapat mengeratkan persahabatan.	Melayu	3.5000	0.9378
	Bukan Melayu	4.3667	0.8087
3. Kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama	Melayu	3.3000	1.0554
	Bukan Melayu	4.2000	1.0306
4. Semangat cintakan negara oleh semua warganegara perjuangan mulia.	Melayu	3.5000	0.9377
	Bukan Melayu	3.8667	0.9732
5. Hidup bertoleransi antara kaum boleh mengeratkan perpaduan	Melayu	3.5667	0.8172
	Bukan Melayu	3.8333	1.1472
6. Pergaulan berbagai kaum mendorong perpaduan	Melayu	3.8333	0.9855
	Bukan Melayu	4.2000	1.0306
7. Tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah	Melayu	4.0333	0.7184
	Bukan Melayu	4.1667	1.0199
JUMLAH	Melayu	3.6476	0.9055
	Bukan Melayu	4.1476	0.9550

Jadual 1 menunjukkan perbezaan pandangan antara responden Melayu dengan Bukan Melayu terhadap pembinaan negara-bangsa melalui

pendidikan drama perpaduan. Markat min purata secara keseluruhan menggambarkan bahawa etnik Bukan Melayu (4.1476) bersikap lebih positif berbanding Melayu (3.6476) terhadap tujuh item soalan.

Secara detail, didapati bahawa kedua-dua etnik memperoleh markat min yang tertinggi pada item no-1 (Melayu 3.8000, Bukan Melayu 4.4000). Hal ini menjelaskan bahawa pelajar Melayu dan Bukan Melayu mempunyai kecenderungan pemikiran yang sama, iaitu paling menyokong kepentingan semangat patriotisme dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Ini bererti kedua-dua etnik memandang semangat patriotisme sangat penting untuk menonjolkan identiti sesuatu bangsa terhadap tanah air mereka.

Sebaliknya pelajar Melayu paling kurang persetujuan terhadap item no-3 menyentuh persoalan kepentingan kebebasan manusia tanpa kira kaum dan agama. Hal ini boleh dikaitkan dengan ajaran agama mereka yang melarang mereka bertindak bebas sesuka hati. Manakala pelajar bukan Melayu berpendapat bahawa item no-5, iaitu hidup bertoleransi antara kaum, kurang berkesan untuk mencapai perpaduan dan membina negara bangsa. Golongan ini beranggapan bahawa sikap kejujuran dan keikhlasan lebih penting daripada bertoleransi kerana bertoleransi dianggap merugikan satu pihak.

Walau bagaimanapun, pelajar Melayu dan Bukan Melayu memperlihatkan pendapat yang bercapah terhadap item no-3 (Melayu 3.3000, Bukan Melayu 4.2000), 2 (Melayu 3.5000, Bukan Melayu 4.3667) dan 1 (Melayu 3.8000, Bukan Melayu 4.4000), iaitu persoalan kepentingan kebebasan manusia tanpa kira kaum dan agama, kunjung-mengunjungi antara rumah pelbagai kaum dapat mengeratkan persahabatan, dan semangat patriotisme penting dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Dalam tiga persoalan ini, pelajar Bukan Melayu menunjukkan sikap lebih terbuka berbanding pelajar Melayu.

Setelah mengikuti pandangan responden mengikut etnik, analisis seterusnya beralih kepada aspek jantina. Sejauhmanakah aspek jantina mempengaruhi pemikiran dan pandangan responden terhadap pembinaan negara-bangsa melalui pendidikan drama perpaduan? Perhatikan jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Markat Min dan Sisihan Lazim Antara Jantina Terhadap Pembinaan Negara-bangsa Melalu Drama Pilihan

Item (N=60)	Jantina	Min	Sisihan Lazim
1. Semangat patriotisme penting dalam mencapai kemerdekaan daripada penjajah.	Lelaki	4.3000	0.7022
	Perempuan	3.9000	0.9229
2. Kunjung-mengunjungi rumah pelbagai kaum dapat mengeratkan persahabatan.	Lelaki	3.9333	0.8683
	Perempuan	3.9333	1.0807
3. Kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama	Lelaki	3.7333	1.2576
	Perempuan	3.7667	1.0063
4. Semangat cintakan negara oleh semua warganegara perjuangan mulia.	Lelaki	3.6333	0.8899
	Perempuan	3.7333	1.0483
5. Hidup bertoleransi antara kaum boleh mengeratkan perpaduan	Lelaki	3.7333	0.9072
	Perempuan	3.6667	1.0933
6. Pergaulan berbagai kaum mendorong perpaduan	Lelaki	4.1333	0.6644
	Perempuan	3.9000	1.0504
7. Tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah	Lelaki	4.2000	0.6644
	Perempuan	4.0000	1.0505
JUMLAH	Lelaki	3.9524	0.8786
	Perempuan	3.8429	1.0510

Dari aspek jantina, markat min purata secara keseluruhannya dalam Jadual 2 memaparkan bahawa pelajar lelaki (3.9524) mengamalkan sikap yang lebih terbuka daripada pelajar perempuan (3.8429) terhadap pembinaan negara-bangsa melalui pendidikan drama perpaduan di Malaysia.

Secara terperinci, didapati bahawa pelajar perempuan menunjukkan kecenderungan pemikiran yang paling positif pada item no.7 dengan pemerolehan min sebanyak 4.0000, manakala pelajar lelaki pula paling menyokong item no-1 dengan markat min 4.3000. Ini bererti pelajar perempuan paling menyambut baik sikap tolong-menolong antara kaum sebagai amalan muhibah kerana pertolongan diberi dengan ikhlas, sementara pelajar lelaki paling menyetujui kepentingan semangat nasionalisme dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Bagi responden lelaki, semangat nasionalisme paling penting untuk menonjolkan jati diri suatu bangsa.

Namun begitu, terdapat kontradik bahawa item no-4 menjadi isu yang paling tidak popular di kalangan pelajar lelaki (3.6333) mengenai semangat cintakan negara oleh semua warganegara adalah perjuangan mulia. Hal ini terjadi mungkin mereka berpendapat bahawa semangat nasionalisme dan cintakan negara adalah dua perkara berbeza. Oleh itu, pengorbanan akibat perasaan cinta akan negara tidak dianggap sebagai perjuangan yang mulia. Pelajar perempuan pula menanggapi bahawa hidup bertoleransi antara kaum kurang berkesan untuk mencapai perpaduan. Mereka lebih menyokong cara lain seperti tolong-menolong, bergaul dan kunjung-mengunjung rumah kaum lain.

Lanjutan daripada itu, kedua-dua golongan memperlihatkan pendapat yang sama mengenai item no-2 dan 3. Item-item itu yang meliputi kunjung-mengunjung rumah berbilang kaum dan kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama, diterima sebulat suara oleh pelajar lelaki dan perempuan sebagai cara membina negara bangsa yang baik.

Kedua-dua item itu adalah cara menjalin hubungan muhibah antara kaum yang natural dan sifat naluri yang menjadi impian manusia bersama.

Namun begitu, perbezaan markat min yang agak besar ditemui pada item no-1 (lelaki 4.3000, perempuan 3.9000). Ini bererti responden lelaki dan perempuan mempunyai pendapat yang agak berbeza terhadap kepentingan semangat nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan daripada panjajah. Dalam hal ini, pelajar lelaki menampakkan sikap lebih positif berbanding perempuan kerana kebanyakan golongan nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan negara terdiri daripada lelaki. Oleh itu, mereka lebih menjiwai semangat nasionalisme itu berbanding perempuan.

Perbincangan ini tidak lengkap tanpa disentuh aspek SES. Kelas atasan yang mempunyai peluang dan kemudahan yang lebih baik pasti mempunyai pendapat, pandangan dan pemikiran yang langsung berbeza daripada kelas menengah dan bawah. Kenyataan ini ditunjukkan melalui jadual 3 berikut.

Jadual 3: Markat Min dan Sisihan Lazim Antara SES Terhadap Pembinaan Negara-bangsa Melalui Drama Pilihan

Item (N=60)	Jantina	Min	Sisihan Lazim
1. Semangat patriotisme penting dalam mencapai kemerdekaan daripada penjajah.	Rendah	3.8000	3.8000
	Menengah	3.9500	3.9500
	Tinggi	4.5500	4.5500
2. Kunjung-mengunjung rumah pelbagai kaum dapat mengeratkan persahabatan.	Rendah	3.4500	0.9987
	Menengah	3.8500	0.9333
	Tinggi	4.5000	0.6883
3. Kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama	Rendah	3.5000	1.1002
	Menengah	3.7000	1.0809
	Tinggi	4.0500	1.1910
4. Semangat cintakan negara oleh semua warganegara perjuangan mulia.	Rendah	3.1000	0.7881
	Menengah	3.6500	0.8751
	Tinggi	4.3000	0.8645
5. Hidup bertoleransi antara kaum boleh mengeratkan perpaduan	Rendah	3.3500	1.0894
	Menengah	3.5500	0.9445
	Tinggi	4.2000	0.7678
6. Pergaulan berbagai kaum mendorong perpaduan	Rendah	3.2500	0.9105
	Menengah	4.4500	0.6048
	Tinggi	4.3500	1.0400
7. Tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah	Rendah	3.5000	1.0000
	Menengah	4.1000	0.6407
	Tinggi	4.7000	0.4702
JUMLAH	Rendah	3.4214	0.9404
	Menengah	3.8929	0.8523
	Tinggi	4.3786	0.8258

Daripada jadual 3, secara keseluruhannya dapat dikenal pasti bahawa kelas tinggilah (4.3786) golongan yang menaruh harapan yang paling tinggi terhadap pembinaan negara-bangsa melalui pendidikan drama perpaduan di Malaysia, diikuti kelas menengah (3.8929) sebaliknya kelas bawah (3.4214) memandang suram terhadapnya. Diteliti secara detail, didapati bahawa SES yang berbeza mempunyai pilihan kegemaran yang berlainan. Dalam hal ini, kelas bawah (3.8000) meletakkan item no-1 (semangat nasionalisme penting dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah) sebagai elemen yang terpenting dalam pembinaan negara-bangsa, sementara kelas menengah (4.4500) paling memandang berat

perpaduan), dan kelas atasan (4.7000) pula menjadikan item no-7 (tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah) sebagai item utama yang perlu diambil perhatian.

Sebaliknya item no-4 (semangat cintakan negara oleh semua warganegara suatu perjuangan mulia) paling rendah kadar persetujuan bagi kelas bawah (3.1000) dan item no-5 (hidup bertoleransi antara kaum boleh mengeratkan perpaduan) bagi kelas menengah (3.2000), manakala item no-3 (kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama) ialah persoalan yang paling kurang diberi perhatian oleh kelas atasan (3.5000).

Perbezaan pendapat yang paling ketara ditemui pada item no-2 (kelas bawah 3.4500, menengah 3.8500, atasan 4.5000), no-4 (kelas bawah 3.1000, menengah 3.6500, atasan 4.3000), no-6 (kelas bawah 3.2500, menengah 4.4500, atasan 4.3500) dan no-7 (kelas bawah 3.5000, menengah 4.1000, atasan 4.7000). Empat isu itu ialah kunjung-mengunjungi rumah pelbagai kaum, perasaan cintakan negara semua warganegara, pergaulan dan tolong-menolong antara kaum akan melorong ke arah perpaduan, seterusnya membina bangsa Malaysia. Kesemua item tersebut jelas menunjukkan percanggahan pendapat antara kelas atasan dengan bawah, iaitu kelas atasan menunjukkan sikap yang paling positif terhadap isu tersebut (kecuali item no-6), sebaliknya kelas bawah bersikap acuh tak acuh terhadapnya.

Nyatalah bahawa SES yang berbeza cenderung untuk berfikir berlainan antara satu sama lain, disebabkan sosialisasi kehidupan mereka yang langsung berbeza dari segi budaya, ekonomi, agama, kepercayaan, norma hidup dan sebagainya. Dalam konteks pembinaan negara bangsa menerusi pendidikan drama perpaduan, kelas atasan menunjukkan sikap yang paling terbuka berbanding kelas menengah dan bawah.

Dianalisis dari aspek etnik, jantina dan SES secara umumnya, maka strata kedudukan kesemua item yang menjadi konstruk soal selidik ini

mengikut pilihan responden adalah seperti berikut: tempat pertama dikongsi bersama oleh item no-1 dan 7, diikuti oleh item no-6 dan 2, seterusnya disusuli item no- 3 dan 5, diakhiri oleh 4.

Selain itu, terdapat empat item yang mencerminkan sikap positivisme semua golongan terhadap perkembangan sastera Melayu di Malaysia termasuk item no-1 (semangat nasionalisme penting dalam menuntut kemerdekaan daripada penjajah), 6 (pergaulan berbagai kaum mendorong perpaduan) dan no-7 (tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah). Kesemua item itu berada di atas paras 4.0000. Dengan kata lain, tiga item tersebut adalah elemen pembinaan negara-bangsa Malaysia yang sangat kuat disokong dan didukung oleh responden dari latar belakang sosial yang berbeza.

Matriks Korelasi

Seterusnya analisis berkaitan antara latar belakang khalayak dengan tujuh item drama perpaduan dilakukan. Analisis ini memperlihatkan dua segmen penting, iaitu pelajar dengan konstruk dari teks drama negara-bangsa yang menjadi asas kepada Teori Sastera Pepaduan. Analisis perkaitan ini dibuat untuk melihat sama ada wujud hubungan antara dua segmen ini seperti jadual 4 berikut.

Jadual 4: Korelasi Pearson-r antara Latar Belakang Sosial dengan Tujuh Item Drama Perpaduan

Item (N=60)	Etnik (Korelasi)	Jantina (Korelasi)	SES (Korelasi)
1. Semangat patriotisme penting dalam mencapai kemerdekaan daripada penjajah.	0.361**	-0.241	0.369**
2. Kunjung-mengunjung rumah pelbagai kaum dapat mengeratkan persahabatan.	0.450*	0.000	0.445*
3. Kebebasan manusia penting tidak kira kaum dan agama	0.402*	0.015	0.200
4. Semangat cintakan negara oleh semua warganegara perjuangan mulia.	0.192	0.052	0.512*
5. Hidup bertoleransi antara kaum boleh mengeratkan perpaduan	0.135	-0.034	0.351**
6. Pergaulan berbagai kaum mendorong perpaduan	0.182	-0.116	0.445*
7. Tolong-menolong antara kaum suatu amalan muhibah	0.097**	-0.115	0.563*

(*) *Signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)*

(**) *Signifikan pada aras 0.05 (2 hujung)*

Analisis dalam jadual di atas menunjukkan item no-1, 2, 3, dan 7 dalam drama perpaduan bagi faktor etnik adalah signifikan pada aras piawai 0.05. Oleh yang demikian Korelasi itu bermakna drama kajian ini ada hubung kait dengan pelajar dari aspek etnik yang mencakupi Melayu dan

bukan Melayu. Keadaan yang sebaliknya berlaku pada aspek jantina, iaitu langsung tidak terdapat hubungan antara tujuh item negara bangsa dalam drama kajian dengan pelajar kerana kesemua item itu tidak signifikan. Namun begitu, aspek SES memperlihatkan hubungan yang sangat rapat dengan hampir semua item tersebut pada aras 0.05, kecuali item no-3.

Secara keseluruhannya korelasi itu menunjukkan ada perkaitan yang rapat antara latar belakang khalayak kajian dengan tujuh item drama yang dikaji. Korelasi itu bermakna drama mengenai negara-bangsa yang menjadi konstruk kajian ini ada hubung kait dengan khalayak dari aspek SES dan etnik.

Seterusnya, untuk mengkaji sumbangan dan pengaruh puisi yang menjadi konstruk teori kajian, maka tatacara analisis regresi pelbagai mengikut SPSS (window 11.0) diguna pakai.

Analisis Regresi Pelbagai

Analisis regresi pelbagai dilakukan secara berperingkat (step-wise) mengikut aspek etnik, jantina dan SES dalam jadual berikut.

Jadual 5: Analisis Regresi Pelbagai (bertahap) antara Latar belakang Sosial dengan Tujuh Item Drama perpaduan dan Pengaruhnya.

Latar Belakang Sosial	Beta di piawai	t	R ²	Ubahsuai R ²	Ralat Piawai	Signifikan
Etnik	0.100	0.514	0.332	0.242	0.439	P<0.003*
Jantina	-0.022	4.726	0.119	0.001	0.504	P<0.437
SES	0.132	-2.475	0.473	0.402	0.637	P<0.000*

() Signifikan pada aras 0.05*

Berdasarkan jadual 5 di atas, melalui analisis regresi pelbagai secara berperingkat, didapati bahawa nilai beta (pemberat) yang telah di piawai bagi etnik ialah 0.100 dengan nilai t pada 0.514 dan signifikan pada aras 0.003 (piawainya 0.05) dengan ralat piawai yang rendah. Analisis berkenaan menunjukkan bukan sahaja kaitan antara aspek etnik dengan drama perpaduan pada tahap pertalian yang positif (0.332), bahkan pengaruh drama perpaduan dalam pelbagai budaya berdasarkan konstruk teori sebanyak 24.2% (ubahsuai R²). Pengaruh drama kajian terhadap pelajar dari segi etnik boleh dikatakan agak besar. Pengaruh tersebut menunjukkan drama kajian dapat merentasi perbezaan etnik, sama ada Melayu atau bukan Melayu

Dari segi jantina, pemberat beta yang di piawai -0.022 dengan nilai t sebanyak 4.726 dan tidak signifikan. Apabila dibuat regresi pelbagai, maka pertaliannya ialah 0.119, dan setelah diubah suai R² maka dampak

drama perpaduan terhadap aspek jantina pelajar ialah 1%. Nyatalah hubungan antara aspek jantina dengan unsur negara-bangsa dalam drama kajian tidaklah kuat, hampir tidak signifikan.

Seterusnya bagi SES, nilai pemberat beta yang dipeawai ialah 0.132 dengan nilai t sebanyak -2.475, dan signifikan pada aras 0.05. Ini bermakna terdapat hubungan yang sangat rapat antara SES responden dengan tujuh item negara bangsa dalam drama pilihan. Perkaitan itu yang ditunjukkan melalui $R^2 = 0.473$ adalah kuat. Data itu memperlihatkan dampaknya melalui Ubahsuai R^2 (0.402), dengan erti kata lain, pengaruh drama perpaduan terhadap SES pelajar ialah 40.2%. Dengan kata lain, pengaruh drama jelas merentasi SES responden.

Sebagai rumusan, analisis regresi pelbagai bertahap daripada jadual 5 jelas menunjukkan pengaruh tujuh item drama perpaduan amat kuat mempengaruhi SES (40.2%), etnik (24.2%) dan akhir sekali jantina (1%). Pengaruh itu menunjukkan bahawa kesan yang paling banyak berlaku pada aspek SES berbanding etnik dan jantina.

Cadangan dan Penutup

Dapatan kajian di atas memperlihatkan pengaruh drama remaja yang berkesan untuk membina negara-bangsa, selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan, malahan genre drama didapati lebih berkesan sebagai mekanisme melahirkan masyarakat bersatu padu berbanding genre cerpen, novel, puisi dan prosa tradisional³. Kesan drama paling berpengaruh berbanding genre lain kerana melibatkan kesemua aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar. Drama yang dipentaskan atau direkodkan mempunyai kesan bunyi, warna, gerakan badan, visual dan lain-lain berbanding genre lain yang dibaca oleh individu semata-mata.

Keberkesanan drama juga boleh dilihat melalui sambutan baik di media elektronik, khususnya televisyen dan radio yang sentiasa dipenuhi dengan rancangan drama pelbagai bahasa. Ini bererti drama merentasi etnik, jantina dan SES dengan cerita yang menarik dan menyentuh kalbu manusia. Oleh itu, drama harus dieksploitasikan sepenuhnya di sekolah untuk melahirkan generasi muda yang cinta akan tanah air, bersemangat nasionalisme dan inginkan kedamaian hidup. Kesemua matlamat itu boleh dimulakan sejak sekolah rendah kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Genre drama harus diberi perhatian dan tumpuan yang lebih berbanding genre lain dalam pengajaran sastera di sekolah dalam usaha membina negara-bangsa Malaysia. Hakikat pengajaran drama di sekolah ialah pengajaran tentang isi dan kefahaman teks drama sahaja, bukan mementaskannya. Matlamat akhirnya tidak lain daripada lulus peperiksaan (Taha Abdul Kadir, 1997: 6). Diteliti sukatan pelajaran KOMSAS di sekolah pula, didapati bahawa genre drama hanyalah menduduki satu nisbah yang sangat kecil berbanding genre lain⁴, malahan genre ini kurang dititikberatkan berbanding genre novel dan cerpen kerana drama tidak semestinya disoal dalam peperiksaan SPM. Selain itu, pementasan drama bukan untuk tujuan pengajaran subjek, sebaliknya diadakan untuk memeriahkan aktiviti sekolah atau Kementerian Pelajaran seperti hari penyampaian hadiah, sukan, pertandingan drama sekolah-sekolah dan seumpamanya.

Memandangkan pengaruh drama lebih berkesan, maka drama bukan sahaja perlu diperbanyakkan bilangannya dalam sukatan pelajaran, tetapi juga diajar dengan pendekatan yang kreatif dan menarik dengan melakukan pementasan. Cara ini melatih pelajar mencapai tahap kematangan diri dengan cepat di samping memupuk penghayatan dan penghargaan pelajar terhadap nilai-nilai kemanusiaan, kerjasama, pembangunan jiwa, dan perpaduan dan pembinaan negara-bangsa. Dengan itu, mereka lebih bersedia menghadapi cabaran hidup di hari

muka.

Dengan mengadakan pementasan drama, maka secara tidak langsung melibatkan struktur organisasi sekolah. Semua kakitangan sekolah perlu bekerjasama untuk menjayakan teater itu termasuklah juruteknik, guru, jurukamera, jurusolek selain pelajar sendiri. Hubungan rapat itu akan memupuk suasana harmoni dan muhibah antara satu sama lain kerana melibatkan semua kaum, seterusnya mengikat silaturahim intim yang tidak dapat diperolehi melalui bacaan buku semata-mata.

Berikutan itu, peraduan menulis skrip drama di sekolah menengah harus dihidupkan kembali supaya para pelajar mempunyai saluran untuk menguji bakat mereka di samping mengasah pemikiran yang positif. Skrip drama yang menang hadiah harus dipentaskan pula sebagai langkah menghargai usaha pelajar itu meluahkan perasaan mereka terhadap tanah air. Cara ini adalah lebih berkesan daripada bacaan skrip drama atau kajian teks semata-mata dalam bilik darjah.

Sekolah harus tukar peranan dari tempat menghafal menjadi tempat untuk berfikir, menghayati karya sastera dan memecahkannya. Dalam konteks ini, pengajaran hendaklah melibatkan kemampuan memperoleh informasi dan cara mengolah informasi itu. Selain itu, bahan-bahan yang diberikan kepada para pelajar hendaklah berupa karya yang membolehkan mereka berfikiran kritis dan menjadi lebih peka terhadap ragam kehidupan Malaysia. Justeru itu, usaha pemilihan bahan pengajaran haruslah bersifat warna setempat.

Dalam hal ini, tenaga pengajar harus menguasai kriteria pemilihan bahan yang baik dari segi pendidikan dan estetik; bahan karya yang dipilih haruslah memberi peluang kepada para pelajar untuk berbahas dan berdialog mengenai masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Apa yang paling penting ialah pendidikan sastera tidak memadai dibicarakan, tetapi harus dihayati dan dilaksanakan bersama. Dalam konteks ini,

tindakan lebih bererti daripada bicara

Kesimpulan

Sesungguhnya pendidikan sastera memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam usaha membina negara-bangsa Malaysia yang bersatupadu kerana sastera adalah mekanisme yang membina insan dari segi rohaniah dan spiritualnya. Sumbangan kesusasteraan yang paling hakiki dan dasar dalam pembinaan negara bangsa ialah semangat sastera itu sendiri (Anwar Ridhwan, 1989: 12). Semangat sastera selalu berusaha mencapai kekuatan budaya, falsafah hidup yang unggul, nilai yang positif, dimensi kemanusiaan yang tiada taranya bagi semua manusia, keluhuran dan kemuliaan budi, serta merapatkan jiwa dan hati manusia.

Nota

- 1 Pertandingan ini dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia penamat / pengakhiran yang jelas, pasti, tetap atau tepat. Untuk makalah ini, penulis menggunakan istilah 'titik penamat' sebagai terjemahan kepada istilah *telic*.
- 2 Sastera Perpaduan adalah suatu mekanisme untuk mewujudkan penyatuan antara kelompok masyarakat berbagai latar belakang berdasarkan prinsip-prinsip atau dasar-dasar yang dikongsi bersama dari segi sosial dan budaya sehingga terbentuknya perasaan toleransi seterusnya melahirkan satu sentiment kebangsaan dan kenegaraan di negara ini". Lihat Chew Fong Peng, 2003: 2. 17.2%.
- 3 Keempat-empat genre di atas telah dilakukan kajiannya oleh pengkaji atas topik yang sama, dan mendapati bahawa pengaruhnya ialah genre cerpen 5%, puisi 14.6%, novel 29% dan prosa tradisional 17.2%.

- 4 Dalam setiap tingkatan, pelajar wajib belajar sebuah novel, lima cerpen, lima puisi moden, lima puisi tradisional, lima prosa tradisional dan tiga drama.

Rujukan

- Abdul Rahim Abdul Rashid, 2002. Negara Bangsa dan Ancaman Ekstremisme. *Dewan Budaya*, September:17-19.
- Abdul Rahman Embong, 2000. *Negara-bangsa Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anwar Ridhwan, 1989. Perkembangan Sastera Kebangsaan dalam Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu Kedua*. 18 Ogos. Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Awang Pawi, 2004. Negara Bangsa dan Kesusasteraan Nasional Abad ke-21. Dlm. Shaiful Bahri Md. Radzi & rakan-rakan (pngr.). *Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm.378-387. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Cheah Boon Keng, 2002. *Malaysia: The Making of a Nation*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- _____, 2005. Ethnicity in the Making of Malaysia. Dlm. Wang Gungwu (pngr.). *Nation-building: Five Southeast Asian Histories*, hlm. 91-116. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Chew Fong Peng, 2003. Penerimaan Golongan Remaja terhadap Sastera Perpaduan. Kertas Kerja. *Seminar Integrasi Generasi Muda*, 16hb. Ogos. Persatuan Penulis Selangor dan Jabatan Kebudayaan & Kesenian Selangor.

_____, 2004. *Sumbangan sastera Kebangsaan dalam Merealisasikan Pembentukan Begara Bangsa Malaysia: Pandangan Golongan Remaja*. Dlm. Shaiful Bahri Md. Radzi & rakan-rakan (pngr.).

Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm.141-156. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____, 2006. Sastera Kebangsaan dan Perpaduan Nasional. *Dewan Sastera*, Mac: 16-23.

Drama-drama Kala Dewata, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chambers' Encyclopedia, 1973. Chicago: William Benton Publisher.

Furnivall, J. S., 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. New York: New York University Press.

Ghazali Shafie, 1981. Malaysia: *Nilai Bentuk dan Budaya*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

H. Suminto A. Sayuti, 2004. Peranan Sastera dalam Pembinaan Kehidupan Negara-bangsa: Pentingnya Menempatkan Pengajaran Sastra sebagai Komponen Strategi Kebudayaan. Dlm. Shaiful Bahri Md. Radzi & rakan-rakan (pngr.). Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm. 388-395. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hassan Ahmad, 2004. Kesusasteraan dan Pembinaan Negara Bangsa. Dlm. Shaiful Bahri Md. Radzi & rakan-rakan (pngr.). Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm.1-13. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Hussein, 1971. Kesusasteraan Nasional Malaysia dan Beberapa Masalah Pembentukannya. *Dewan Sastera*, September: 29, 32-34.
- Johan Jaafar, 1984. *Arab ke Mana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Kachar & Mary Thomas, 1983. The Teaching of National Literature in Malaysian Universities for Nation Building. Dlm. Anthony Tatlow (pngr.). *The Teaching of Literature in ASAIHL University*.
- Proceedings of a Seminar of the Association of Southeast Asian Institutions of Higher Learning*, hlm.150-155. Hong Kong University Press.
- Lee Kam Hing, 2005. Writing Malaysia's Contemporary History. Wang Gungwu (pngr.). *Nation-building: Five Southeast Asian Histories*, hlm. 163-190. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Majid Konting, 1993. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Anwar Omar Din, 2004. Legitimasi Mitos dalam Pembinaan Negara Bangsa. Dlm. Shaiful Bahri Md. Radzi & rakan-rakan (pngr.). Sastera dan Pembinaan Negara Bangsa. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu (SAKM) VIII*, hlm.431-447. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Noraini Md. Yusof & zalina Mohd. Lazim, 2003. *Medium or Message? Implications on the Use of Literature to Promote National Integration.*

Kertas Kerja. *International Conference Language Nationhood: Confrontin New Realities.* 16-18hb. Disember. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Noraza Ahmad Zabidi & rakan-rakan, 1999. Bahasa dan Sastera daslam Pembentukan Negara-bangsa: harapan dan cabaran. *Journal of Language Teaching Linguistics and Literature*, 5: 90-117.

Omar Mohd. Hashim. 1991. Kata Pengantar. Dlm. *Si Anak Wali.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Proceedings of the first ISIS Conference on National Integration*, 1986.

Rohizani Yaakub, 2001. Sastera Membina Bangsa: Satu Analisis Persepsi Pelajar Terhadap Teks Drama dalam Pendidikan. *Tesis Dr. Fal.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Si Anak Wali, 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taha Abdul Kadir, 1997. Mempertingkatkan Pengajaran Drama di Sekolah. Kertas Kerja. *Seminar Drama dan Pembinaan Bangsa Abad ke-21.* 21-22 Mac. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Tham Seong Chee, 1983. Education and Nation-Building in a Multi-Ethnic Society: The Case of Malaysia and Singapore. Kertas Kerja. *Seminar Modenisasi dan Keperibadian Budaya Bangsa.* 10-12 Januari. Persatuan Sains Sosial Malaysia.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2003. *Pendidikan Negara Bangsa.* Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.